

KERATAN AKHBAR

JUDUL : UTUSAN BORNEO

TARIKH : 25 OGOS 2024

SITASI :

M/S :

Han, Y. S. (2024, August 25). 93,797 program pembudayaan membaca berjaya dilaksana. *Utusan Borneo*. Retrieved August 25, 2024, from <https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/25/93797-program-pembudayaan-membaca-berjaya-dilaksana>.

Utusan
Borneo
Online

93,797 program pembudayaan membaca berjaya
dilaksana 2024-08-25T09:17:54+08:00



RASMI: Aaron ketika menyempurnakan majlis penutupan itu.

KOTA KINABALU: sepanjang 2023 sehingga Jun 2024 sebanyak 93,797 program pembudayaan galakan membaca telah dilaksanakan di seluruh negara dengan jumlah penyertaan sebanyak 3,290,958 orang.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, pihaknya melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) komited dalam memberikan perkhidmatan maklumat kepada orang awam melalui penyediaan pelbagai bahan bacaan termasuk bahan bercetak dan bahan digital.

"Laporan Perangkaan Tahunan PNM 2023 menunjukkan PNM telah membuat perolehan sekurang-kurangnya 6 juta bahan termasuk bahan bercetak, bahan digital dan manuskrip Melayu.

"Bagi tempoh lima tahun akan datang, PNM telah membangunkan Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2024–2028 dengan tumpuan khusus berkenaan budaya membaca dinyatakan dalam Teras Strategik tiga, iaitu Pengukuhan Pembudayaan Ilmu ke Arah Pembelajaran Sepanjang Hayat.

"Sebanyak 50 program utama galakan membaca dan pembudayaan ilmu telah dikenal pasti dengan hasrat melahirkan masyarakat Madani yang berilmu pengetahuan, bersatu padu, berbudaya nilai tinggi dan menyokong penuh gagasan Dekad Membaca Kebangsaan yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Pembaca menjelang tahun 2030 serta Dasar Perpaduan Negara 2021-2030," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Program Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita, di sini kelmarin.

Katanya, antara usaha yang dilaksanakan sempena program berkenaan di Sabah adalah Pameran [Digital@Kereta](#) Api dan Program Etie Adat Tokou.

Menurutnya, keberkesanan perpustakaan masa depan bergantung kepada kemampuannya untuk mengintegrasikan teknologi terkini dalam perkhidmatannya.

"Penggunaan teknologi realiti maya (VR) dan realiti tambahan (AR) dalam pameran ini telah memberikan pengalaman yang luar biasa kepada para pengunjung, terutama generasi muda.

"Program 'Etie Adat Tokou' yang bermaksud 'Ini Budaya Kita' adalah satu lagi acara yang mencerminkan usaha kita untuk memelihara dan mempromosikan warisan budaya tempatan," katanya.



CEMERLANG: Aaron (tiga kiri) menyampaikan hadiah kemenangan kepada salah seorang pemenang dalam aktiviti yang diadakan.

Katanya, Etie adat tokou yang merujuk kepada adat resam dan tradisi masyarakat tempatan adalah sesuatu yang sangat berharga dan perlu dilestarikan.

"Saya berharap program ini akan menjadi inspirasi kepada kita semua untuk terus berusaha dalam memelihara dan mempromosikan warisan budaya kita.

"Semoga kita semua dapat terus bekerjasama dalam mencapai matlamat ini dan memastikan bahawa warisan budaya kita akan terus hidup dan berkembang dalam era globalisasi ini," katanya.

- oleh
Yap Siong Han

Sumber : <https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/25/93797-program-pembudayaan-membaca-berjaya-dilaksana>.